

03/07/2002

Setiausaha Umno bahagian diramal calon

ALOR STAR, Selasa - Setiausaha Umno Bahagian Kuala Kedah, Hashim Jahaya disebut-sebut calon Barisan Nasional (BN) bagi merampas kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit.

Sumber Umno Kedah berkata, Hashim layak dicalonkan kerana beliau bukan setakat anak jati Anak Bukit, malah mendapat sokongan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kuala Kedah ketika pemilihan Pemuda Umno Bahagian Kuala Kedah, tahun lalu.

Menurut sumber itu, walaupun Hashim hanya dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Pemuda Umno bahagian, beliau memperoleh kepercayaan ketua bahagian yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain sebagai Setiausaha Umno bahagian.

Peguam berumur 40 yang bertugas di sebuah firma di bandar ini juga dianggap calon yang `bersih`

"Umno memerlukan calon baru yang bukan setakat bersih, malah dilihat sebagai bersih sesuai saranan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan calon Umno pada pilihan raya harus bersih dan dilihat bersih.

"Hashim juga mempunyai kemampuan bergaul dengan semua peringkat umur masyarakat...boleh membaca doa dan seumpamanya," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Kata sumber berkenaan, jika Umno meletakkan calon yang pernah bertanding di kawasan berkenaan, ia bakal menimbulkan kesukaran menambat hati pengundi kerana mereka sudah `mengenali calon itu luar dan dalam.`

Ia penting kerana pengundi harus diyakinkan bahawa calon BN bukan setakat mampu melaksanakan tugas sebagai wakil rakyat, malah membawa imej bersih parti dan kerajaan.

Selain Hashim, turut dikatakan tersenarai untuk Anak Bukit adalah bekas Ahli Parlimen Kuala Kedah, Datuk Zakaria Said; Ketua Pemuda Umno Kuala Kedah, Abdul Mutalib Harun; Naib Ketua Pemuda bahagian, Syed Zainuzman Syed Yahya dan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Anak Bukit, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin.

Zakaria memenangi kerusi Parlimen Kuala Kedah pada pilihan raya 1995 tetapi tidak dicalonkan pada pilihan raya umum 1999.